

23 OCT 1996

Daim-Defisit

NEGARA MAMPU ATASI DEFISIT IMBANGAN PEMBAYARAN BEBERAPA TAHUN LAGI

GURUN, 23 Okt (Bernama) -- Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim mengatasi defisit dalam imbangan pembayaran jika kerajaan agresif mencari pasaran baru.

Katanya, defisit itu boleh diatasi sekiranya negara agresif menjual barangnya kepada negara luar di samping menggalakkan penggunaan barangan tempatan.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri amat agresif dengan sering ke luar negara untuk mencari pasaran baru bagi memperluaskan pasaran barangan kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari dengan Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Merbok, di Pusat Masyarakat Gurun, di sini hari ini.

Daim berkata, menurut teori ekonomi defisit imbangan pembayaran berlaku apabila import melebihi eksport. "Untuk mengatasinya hanya satu cara iaitu mengurangkan jumlah import dan menambah eksport," katanya.

Menurutnya, masalah itu bukan dihadapi oleh Malaysia sahaja malahan negara-negara lain, termasuk negara maju.

Daim yang juga bekas Menteri Kewangan berkata defisit imbangan itu juga disebabkan projek pembinaan kilang di negara ini.

Katanya, pembinaan kilang dan permulaan pengeluaran mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun tetapi import peralatan dan mesin dilakukan lebih awal.

"Ini bermakna sebelum kita mengeksport barangan (keluaran kilang itu) kita terpaksa mengimport peralatan yang bernilai jutaan ringgit," katanya.

Baru-baru ini, Dr Mahathir dilaporkan berkata tumpuan utama Belanjawan 1997 adalah mengurangkan barangan import yang tidak perlu untuk mengurangkan defisit dalam imbangan pembayaran.

Ketika ditanya mengenai Belanjawan yang akan dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, Jumaat ini, Daim berkata masyarakat mengharapkan ia merupakan belanjawan yang baik untuk semua. -- BERNAMA

MZM MFJ NMO